

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12 Mac 2009

SOALAN

Y.B Datuk Rosnah Binti Abdul Rashid (Papar) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:- (a) program yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk tahun 2009 dan 2010 dan bolehkah pihak Kementerian memaklumkan jenis bantuan yang disalurkan kepada penerima di kawasan Parlimen Papar; dan (b) berapakah peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian dalam Program Bantuan Rumah (PBR) bagi golongan tidak produktif, OKU dan ibu tunggal di kawasan Parlimen Papar dan dinyatakan jumlah dan bilangan serta senarai penerimanya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memperkenalkan Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan ke Negeri Sabah mulai 1 Januari 2009. Skim-skim bantuan kebajikan yang diperluaskan pelaksanaannya ke Sabah iaitu Skim Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Orang Tua, Bantuan Anak Pelihara dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja. Ini merupakan tambahan kepada dua Skim Bantuan Kebajikan Persekutuan sedia ada iaitu Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar. Bagi memastikan golongan yang berkeperluan diberikan bantuan kebajikan, Kementerian melalui JKJ juga akan meneruskan pelaksanaan Projek CARI yang mula dilaksanakan di Sabah pada bulan November 2008. Projek ini akan dilaksanakan sehingga akhir tahun 2009 bagi memastikan semua golongan yang layak menerima bantuan kebajikan diberikan bantuan. Bantuan-bantuan yang disalurkan kepada penerima bantuan di kawasan Parlimen Papar adalah seperti berikut: i. Elaun Pekerja Cacat sebanyak RM300 seorang sebulan kepada 2 OKU; ii. Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar sebanyak RM300 seorang sebulan kepada 4 orang penjaga; iii. Bantuan Kanak-Kanak sebanyak RM100 hingga RM450 seorang sebulan; iv. Bantuan Orang Tua sebanyak RM300 seorang sebulan kepada 149 orang; v. Bantuan Anak Pelihara sebanyak RM250 hingga RM500 seorang sebulan; dan vi. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja sebanyak RM150 seorang sebulan. Selain itu Skim Bantuan Negeri yang peruntukannya disediakan oleh Kerajaan Negeri Sabah menyediakan bantuan-bantuan berikut: i. Bantuan Am sebanyak RM70 hingga RM175 seorang sebulan kepada 714 orang penerima bantuan; ii. Bantuan Anak Yatim sebanyak RM70 hingga RM250 seorang sebulan kepada 64 orang anak yatim; dan iii. Bantuan Bencana Alam sebanyak RM150 hingga RM650 kepada 18 orang mangsa-mangsa bencana. b) Bagi tahun 2009, Daerah Papar telah diperuntukkan sebanyak RM1.36 juta untuk membina 34 unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah (PBR). Bagi memastikan golongan kurang bernasib baik mendapat pembelaan yang sewajarnya, KKLW memberi keutamaan penerima bantuan PBR kepada golongan berikut:- i) warga emas berumur 65 tahun ke atas; ii) OKU; iii) ibu/bapa tunggal yang ramai tanggungan; dan iv) mangsa bencana alam yang miskin tegar. Program Bantuan Rumah adalah terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

